

**PENGENDALIAN KES DI MAHKAMAH TINGGI IPOH SEPANJANG
TEMPOH PELAKSANAAN PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA II**

(a) Perbicaraan / Pendengaran Kes Sivil

- (i) Semua perbicaraan / pendengaran kes sivil yang telah ditetapkan secara kehadiran fizikal di Mahkamah akan ditangguhkan dan penetapan tarikh perbicaraan / pendengaran yang baharu akan dimaklumkan kemudian.
- (ii) Pendengaran kes sivil akan dijalankan melalui teknologi komunikasi jarak jauh berdasarkan Arahan Amalan Ketua Hakim Negara Bilangan 1 Tahun 2021 Pengendalian Kes Sivil Melalui Teknologi Komunikasi Jarak Jauh Bagi Mahkamah Di Seluruh Malaysia (AA KHN 1/2021). Bagi maksud ini, pengendalian prosiding melalui kaedah hibrid adalah tidak dibenarkan dan perenggan 6, 9 dan 14 AA KHN 1/2021 adalah tidak terpakai.
- (iii) Para Peguam dan pihak-pihak perlu menyemak tarikh baru perbicaraan/pengurusan kes secara fizikal yang telah ditetapkan sebelum ini dengan mahkamah-mahkamah yang berkenaan. Semakan boleh dibuat melalui Sistem EFS, atau berhubung dengan Pegawai/Jurubahasa Mahkamah masing-masing.
- (iv) Kes-kes pelaksanaan adalah ditangguhkan sepanjang tempoh ini.

(b)Perbicaraan/ Pendengaran Kes Jenayah

Perbicaraan dan pendengaran kes jenayah akan dilaksanakan mengikut Arahan Ketua Hakim Negara Bilangan 9 Tahun 2021 (Urusan Dan Pengendalian Prosiding Kes Jenayah Di Mahkamah Semasa Tempoh Pelan Pemulihan Negara Fasa I Dan II). Pihak Mahkamah akan memaklumkan kepada pihak-pihak berkenaan mana-mana kes yang akan dijalankan secara kehadiran fizikal.

(c) Pemfailan Kes Sivil dan Jenayah

Pemfailan kes-kes sivil dan jenayah baharu / notis rayuan dan dokumen-dokumen akan dilaksanakan seperti biasa melalui sistem aplikasi Mahkamah.

(d) Pengurusan Kes Sivil dan Kes Jenayah

Pengurusan kes sivil dan jenayah akan dijalankan melalui teknologi komunikasi jarak jauh.

(e) Perakuan Segera Bagi Kes-Kes Sivil

- (i) Pihak-pihak boleh memfailkan perakuan segera/permohonan segera bagi kes-kes sivil sekiranya perlu dan Mahkamah akan memberikan arahan lanjut kepada pihak-pihak berhubung dengan perkara tersebut; dan
- (ii) Pihak-pihak boleh menghubungi Timbalan Pendaftar/Penolong Kanan Pendaftar yang berkaitan

mengenai kes di hadapan YA Hakim Mahkamah Tinggi, permohonan yang difailkan melalui Perakuan Segera dan perkara mustahak yang lain.

PENDENGARAN KES DI HADAPAN TIMBALAN
PENDAFTAR/PENOLONG KANAN PENDAFTAR MAHKAMAH
TINGGI IPOH YANG TELAH DITETAPKAN SEPANJANG TEMPOH
PELAKSANAAN PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA II

Bagi kes yang telah ditetapkan di hadapan di hadapan Timbalan Pendaftar/Penolong Kanan Pendaftar Mahkamah Tinggi Ipoh, pihak Mahkamah akan mengeluarkan Borang 59 melalui system e-filing kepada peguam untuk memaklumkan tarikh akan datang bagi kes yang ditangguhkan.

1) Kes Probet/Surat Kuasa Mentadbir (Kod 32 dan 31)

Kes Probet/Surat Kuasa Mentadbir (Kod 32 dan 31) yang melibatkan kehadiran pemohon akan ditangguhkan. Bagi kes melibatkan permohonan intelokutori yang lain (*non-contentious*) boleh dijalankan melalui Pertukaran e-mel atau melalui aplikasi *zoom*.

Namun demikian, Peguam dan anakguam yang ingin memohon untuk menjalankan kes secara aplikasi *zoom* bolehlah mengemukakan surat secara email dan/atau secara EFS kepada Pegawai yang mengendalikan kes berkenaan, tertakluk kepada arahan lanjut Mahkamah.

2) Kes Bankrapsi (29NCC dan 29PB)

Kes yang melibatkan kehadiran Pemiutang Penghakiman (Judgment Debtor) akan ditangguhkan, manakala bagi kes yang telah ditetapkan untuk dijalankan melalui e-review akan dijalankan seperti biasa. Manakala, bagi kes 29PB, kes boleh dijalankan melalui Pertukaran e-mel atau melalui aplikasi *zoom*.

3) Kes Halang Tebus (24FC, 24MFC), Kes Pelaksanaan (Kod 38) dan kes e-Lelong

Pendengaran Saman Pemula bagi mendapatkan Perintah Jualan dan Notis Permohonan bagi mendapatkan Perintah lelong (e-Lelong) yang telah ditetapkan akan dilapangkan dan tarikh baharu akan dimaklumkan melalui system e-Filing.

Semua kes elelong yang dijadualkan sehingga 12 Julai 2021 adalah ditangguhkan. Peguam hendaklah membuat permohonan untuk mendapatkan tarikh e-lelong yang baru melalui surat (secara e-filing) kepada Mahkamah.

Pejabat Pendaftaran Mahkamah Tinggi

- Segala urusan perkhidmatan kaunter fizikal hanya melalui temujanji berjadual yang telah ditetapkan lebih awal oleh para pelanggan perkhidmatan melalui email ke mtipohadmin@kehakiman.gov.my dan disalinkan kepada zulyana@kehakiman.gov.my.

- Kaunter Pesuruhjaya Sumpah Mahkamah Tinggi Ipoh akan beroperasi seperti berikut :-

Isnin – Khamis : 1.00 petang – 4.00 petang

Jumaat : 2.45 petang – 4.00 petang

**PEGAWAI UNTUK DIHUBUNGI BERKAITAN KES DI HADAPAN YA
HAKIM/PESURUHJAYA KEHAKIMAN**

MAHKAMAH	JENAYAH	SIVIL/KELUARGA
Mahkamah Tinggi (1) Ipoh	PUAN NUR LAILA nurlaila@kehakiman.gov.my	PUAN NURLAILA nurlaila@kehakiman.gov.my KES KELUARGA/PETISYEN PERCERAIAN : PUAN SITI HANUM sitihanum@kehakiman.gov.my
Mahkamah Tinggi (2) Ipoh	PUAN ZULYANA zulyana@kehakiman.gov.my	PUAN GEETHA geethajora@kehakiman.gov.my
Mahkamah Tinggi (3) Ipoh	PUAN NURFARAH farahsyahidah@kehakiman.gov.my	PUAN NOOR HAFIZA hafizaishak@kehakiman.gov.my

Sebarang pertanyaan, boleh menghubungi Pegawai yang berkenaan :-

SENARAI NAMA PEGAWAI DI MAHKAMAH TINGGI IPOH
BERSERTA NOMBOR TELEFON DAN EMAIL

1.	Pn Zulyana Binti Zollkapli	017-3862197	zulyana@kehakiman.gov.my
2.	Pn Nur Laila binti Mohamed Nazil	012-5077212	nurlaila@kehakiman.gov.my
3.	Pn. Geetha a/p Jora Singh	016-5101961	geethajora@kehakiman.gov.my
4.	Pn Noor Hafiza binti Ishak	012-4280539	hafizaishak@kehakiman.gov.my
5.	Pn Nurfarah Syahidah binti Mohd Noh	017-2400945	farahsyahidah@kehakiman.gov.my
6.	Puan Siti Hanum binti Mohmad Sah	013-3706722	sitihanum@kehakiman.gov.my